

"Tapi Jonathan buat keputusan untuk bersama saya dan mungkin memikirkan mengenai pengajiannya di UPM kerana jika memilih bersama Poad, dia perlu mengorbankan banyak perkara
M Balamurugan

14-01-2017

arena

67

HARIAN METRO

JONATHAN pilih berlatih di bawah kendalian Balamurugan.



SEMUA DEMI NEGARA

■ Balamurugan tak pernah halang Jonathan berlatih bersama Poad, yakin prestasi pelari pecut itu mampu meningkat

Aida Adilah Mat

aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jonathan berlatih pecut negara M Balamurugan (gambar) menegaskan tidak pernah menghalang atlet pecut bimbingannya Jonathan Nyepa beralih angin berlatih bersama Mohd Poad Md Kassim.

Katanya, perkara itu sudah banyak kali dibincangkan bersama Jonathan dan atlet itu sendiri yang membuat keputusan.

"Saya tiada masalah lepaskan dia kerana apa yang kami buat ketika ini adalah untuk negara.

"Tapi Jonathan buat keputusan untuk bersama saya dan mungkin memikirkan mengenai pengajiannya di UPM (Universiti Putra

Malaysia) kerana jika memilih bersama Poad, dia perlu mengorbankan banyak perkara," katanya.

Balamurugan berkata, biarpun tidak bersama Poad, beliau yakin prestasi semasa Jonathan.

"Berdasarkan prestasinya ketika ini dan komitmen ditunjukkannya ketika latihan, saya cukup yakin prestasinya akan meningkat.

"Terbuka Malaysia nanti akan menjadi penentu dan jika dia terpilih bersama kuartet 4x100m negara, Jonathan akan bersama pelari lain untuk tempoh diperlukan," katanya.

Sementara itu Balamurugan berharap skuad pecut negara mendapat pelepasan untuk berlatih dan menyertai pertandingan di Australia seperti dimaklumkan sebelum ini.



Katanya, sesi latihan di luar negara itu perlu sebagai persiapan terakhir sebelum atlet menyertai Terbuka Malaysia, April ini.

Jika mendapat kebenaran

Majlis Sukan Negara (MSN) skuad pecut bersama beberapa atlet olahraga negara dalam fasa kedua program Kita Juara akan berlepas ke Australia bulan depan.